

Pos balai bomba atas air diperluaskan ke seluruh negeri

BH ONLINE | Khamis, 21 November 2019 | 4:13pm



Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Mohammad Mentek (kanan). - NSTP/Khairull Azry Bidin

KOTA KINABALU: Pembinaan pos balai bomba atas air seperti di Semporna akan diperluaskan ke kampung air di seluruh negeri bagi menampung keperluan di kawasan penempatan itu.

Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Mohammad Mentek, berkata kemudahan itu penting kerana fungsinya bagi menyalurkan bantuan awal sebelum kehadiran pasukan bomba apabila berlaku kes kecemasan.

Katanya, pos balai bomba berkenaan akan dilengkapi peralatan bersesuaian, termasuk bot dan peralatan pemadaman api.

“Pos balai bomba atas air ini akan siap sepenuhnya hujung tahun ini dan ia dijangka mampu membantu sekiranya berlaku kecemasan.

“Pembabitian komuniti setempat dalam operasi kecemasan juga lebih efektif berikutan mereka lebih mahir dengan kawasan kampung untuk operasi menyelamatkan dan tahu lokasi punca air,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Tamat Latihan Kursus Sijil Sains Kebomgaan Gred KB19 di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, di sini hari ini.

Hadir sama Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Mohammad Hamdan Wahid dan Pengarah JBPM Sabah, Kamarulzaman Malik Abdullah.